

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2023/ 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30263
MAKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah takrif makroekonomi? CLO1
T1
 - A Kemasukan pelabur asing akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.
 - B Cabang ekonomi yang menumpukan pada isu-isu mikro dalam perniagaan dan industri.
 - C Cawangan ekonomi yang mengkaji perilaku individu dan firma dalam membuat keputusan mengenai peruntukan sumber yang terhad.
 - D Satu bidang kajian ekonomi terhadap kegiatan dan interaksi antara pelaku-pelaku ekonomi secara agregat yang melibatkan pembolehubah ekonomi.

2. Konsep makroekonomi mengenai _____ CLO1
T1
 - A keseimbangan harga pasaran.
 - B aspek penentuan pendapatan negara.
 - C kecekapan dan kebajikan ekonomi pasaran.
 - D kesan dasar kerajaan terhadap unit ekonomi.

3. Apakah definisi permintaan agregat? CLO1
T2
 - A jumlah permintaan untuk barang dan perkhidmatan import sahaja.
 - B jumlah permintaan untuk barang dan perkhidmatan eksport sahaja.
 - C jumlah permintaan keseluruhan dalam ekonomi pada tahap makroekonomi.
 - D jumlah permintaan individu untuk barang dan perkhidmatan pada tahap mikroekonomi.

4. Peningkatan kepada perbelanjaan pelaburan akan _____ CLO1
T2
 - A menaikkan permintaan agregat.
 - B menaikkan penawaran agregat.
 - C menurunkan permintaan agregat.
 - D menurunkan penawaran agregat.

5. Pendapatan negara mengikut harga semasa adalah definisi bagi _____ CLO1
A pendapatan benar. T3
B pendapatan norminal.
C pendapatan boleh guna.
D pendapatan persendirian.
6. Pendapatan negara mengikut harga tetap dikenali sebagai _____ CLO1
A pendapatan benar. T3
B pendapatan norminal.
C pendapatan boleh guna.
D pendapatan persendirian.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)? CLO1
A Jumlah wang yang terkumpul dalam negara bagi tempoh tertentu. T3
B Jumlah nilai keluaran negara mengikut harga pada tahun semasa.
C Jumlah nilai semua barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh negara dalam satu tahun.
D Jumlah pendapatan yang diterima oleh setiap individu penduduk negara dalam satu tahun.
8. "Subsidi ialah bantuan kewangan kepada pengeluar industri muda dan industri utama dalam negara." CLO1
T3
Apakah kesan subsidi terhadap harga pasaran?
A Harga pasaran menurun.
B Harga pasaran meningkat.
C Harga pasaran tidak berubah.
D Harga pasaran berada pada tahap optimum.

9. Tingkat kebajikan penduduk sesebuah negara dapat diperolehi dengan CLO1
membandingkan _____ T3
- A pendapatan negara.
 - B pendapatan peribadi.
 - C keluaran negara kasar.
 - D keluaran negara bersih.
10. Perubahan taraf hidup penduduk di dalam sesebuah negara boleh diukur CLO1
dengan melihat perubahan _____ T3
- A nilai tabungan purata penduduk negara tersebut.
 - B pendapatan wang purata penduduk negara tersebut.
 - C pendapatan benar purata penduduk negara tersebut.
 - D nilai perbelanjaan pengguna purata isi rumah dalam negara tersebut.
11. Antara pernyataan berikut, yang manakah **BETUL** mendefinisikan wang? CLO1
- A Benda yang berharga. T4
 - B Benda yang mempunyai penawaran terhad.
 - C Benda yang dapat diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran.
 - D Benda yang dapat diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran, alat penyimpanan nilai dan alat pelunasan hutang.
12. Komponen wang M1 merangkumi _____ CLO1
- A wang syiling dan wang kertas. T4
 - B separuh wang dan matawang.
 - C mata wang dan deposit semasa.
 - D mata wang dan deposit tabungan.

13. Dalam teori *Keynes*, permintaan spekulasi untuk wang akan bertambah apabila _____ CLO1
T4
- A kadar bunga naik.
- B kadar bunga turun.
- C kadar bunga tetap stabil.
- D tingkat pendapatan wang tetap malar.
-
14. Keluk penawaran wang berbentuk menegak kerana _____ CLO1
T4
- A tingkat kadar bunga naik.
- B tingkat kadar bunga turun.
- C keluk permintaan wang menjadi curam.
- D perubahan kadar bunga tidak mempengaruhi kuantiti wang yang ditawarkan.
-
15. Apa yang dimaksudkan dengan cukai progresif dalam dasar fiskal? CLO1
T5
- A Cukai yang hanya dikenakan pada golongan korporat.
- B Cukai yang mengenakan kadar yang lebih tinggi kepada golongan berpendapatan tinggi.
- C Cukai yang mengenakan kadar yang lebih rendah kepada golongan berpendapatan rendah.
- D Cukai yang dikenakan pada semua golongan pendapatan tanpa mengira jumlah pendapatan.
-
16. Apakah tujuan utama pelaksanaan dasar kewangan? CLO1
T5
- A Meningkatkan inflasi.
- B Mencapai kestabilan ekonomi.
- C Meningkatkan perbelanjaan kerajaan.
- D Menyokong pertumbuhan sektor perindustrian
-
17. Apakah peranan kerajaan dalam persekitaran ekonomi? CLO1
T5
- A Sebagai pengeluar barang awam.
- B Sebagai pengeluar barang modal.
- C Sebagai pengeluar barang ekonomi.
- D Sebagai pengeluar barang percuma.

18.

Dasar Kewangan Kuantitatif ialah tindakan Bank Negara menambah atau mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi.

CLO1T5

Berdasarkan kenyataan di atas, kerajaan sering mengambil langkah untuk _____ semasa inflasi.

- A** meningkatkan penawaran wang
- B** mengurangkan penawaran wang
- C** meningkatkan nisbah rizab berkanun
- D** mengurangkan nisbah rizab berkanun

CLO1

19. Dasar fiskal cuba mengawal ekonomi dengan mengubah _____

T5

- A** tingkat kadar bunga.
- B** tingkat perbelanjaan kerajaan.
- C** kuantiti wang dalam pendedaran.
- D** halatuju wang dalam pendedaran.

CLO1

20. Bagaimana dasar fiskal menguncup dapat mengatasi masalah inflasi?

T5

- A** Tidak mempengaruhi permintaan agregat.
- B** Meningkatkan permintaan agregat melalui peningkatan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan.
- C** Meningkatkan permintaan agregat melalui penurunan kadar cukai dan pertambahan perbelanjaan kerajaan.
- D** Mengurangkan permintaan agregat melalui peningkatan kadar cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

a) Berikan definisi bagi: CLO1

i. Inflasi T1

ii. Pengangguran

[4 markah]

b) Jelaskan **DUA (2)** perbezaan antara Mikroekonomi dan Makroekonomi CLO1

[4 markah] T1

c) Apakah yang dimaksudkan dengan keluk permintaan agregat dan keluk penawaran agregat? CLO1

T2

[4 markah]

d)

Hubungan antara kadar bunga, perbelanjaan pengguna, dan pelaburan saling berkaitan dan mempengaruhi permintaan agregat dalam ekonomi.

CLO1

T2

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan hubungan di antara kadar bunga dengan perbelanjaan pengguna dan pelaburan.

[4 markah]

e) Terangkan secara ringkas, **DUA (2)** faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran agregat ke kanan. CLO1

[4 markah] T2

Soalan 2

a) Berikan definisi bagi istilah berikut:

CLO1

i. Pendapatan boleh guna

T3

ii. Pendapatan peribadi

iii. Pendapatan per kapita

[6 markah]

b) Jelaskan **TIGA (3)** masalah dalam perhitungan pendapatan negara.

CLO1

[6 markah]

T3

c) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis wang.

CLO1

[4 markah]

T4

d) Terangkan **DUA (2)** fungsi wang.

CLO1

[4 markah]

T4

Soalan 3

- a) Terangkan **DUA (2)** peranan kerajaan dalam persekitaran makroekonomi. CLO1
[4 markah] T5
- b) Jelaskan **DUA (2)** jenis belanjawan kerajaan. CLO1
[4 markah] T5
- c) “Sumber pendapatan kerajaan terdiri daripada kutipan hasil cukai.” CLO1
Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan **DUA (2)** jenis hasil cukai. T5
[4 markah]
- d) Bincangkan **DUA (2)** jenis dasar fiskal. CLO1
[4 markah] T5
- e) Bincangkan **DUA (2)** kaedah dasar kewangan kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi dan pengangguran. CLO1
T5
[4 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab